



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 7 JANUARI 2021

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **2,145 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah sebanyak **102,723 kes** (80.0 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Untuk pertama kalinya, pada 7 Januari 2021, Malaysia mencatatkan kes harian tertinggi mencecah angka tiga ribu iaitu sebanyak 3,027 kes. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **128,465 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 25,221 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat enam (6)

kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 3,021 kes. Bagi kes penularan di dalam negara, **1,577 kes adalah warganegara Malaysia (52.2 peratus)** dan 1,444 kes adalah bukan warganegara.

Johor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,103 kes (36.4 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **1,043 kes (94.6 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Selangor sebanyak **706 kes (23.3 peratus)** dan Sabah sebanyak **493 kes (16.3 peratus)**.

Sebanyak **63 kes (2.1 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (35 kes), Kluster Damai Pelangi (16 kes), Kluster Tembok Gajah (4 kes), Kluster Tembok Choh (4 kes), Kluster Tembok Mempaga (3 kes), dan Kluster Pagar Siput (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **142 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **63 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **lapan (8) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **521 kes (0.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/Tempat Kematian	Latar Belakang
514	74949	Selangor	Lelaki (WN)	56	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi
515	99823	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	56	Hospital Sungai Buloh	-
516	110291	Pulau Pinang	Perempuan (WN)	78	Hospital Pulau Pinang	Penyakit jantung
517	121311	Selangor	Perempuan (WN)	81	Hospital Ampang	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan hypotiroid

518	121694	Selangor	Perempuan (WN)	79	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan <i>Addison's disease</i>
519	122110	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	83	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit darah tinggi, gout, dislipidemia, jantung, dan buah pinggang kronik
520	122845	WP Putrajaya	Lelaki (WN)	38	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis dan buah pinggang kronik
521	121201	Sabah	Perempuan (BWN)	60	Jenazah dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit darah tinggi

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Sehingga 7 Januari 2021, terdapat sebanyak **570 kluster** telah dilaporkan termasuk **sembilan (9) kluster baharu** pada hari ini.

Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **316 kluster**, termasuk tujuh (7) kluster yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Cempaka, Kluster Hilir, Kluster Karamunting, Kluster Lengkok, Kluster Prestij, Kluster Sutera, dan Kluster Tapak Bina Sungai Udang. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **254 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **52 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Bukit Pasir (779 kes)**, **Kluster Dataran Utas (156 kes)**, dan **Kluster Beringin (101 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **sembilan (9) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

### **1. KLUSTER SENAI MURNI**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 31 Disember 2020 melalui saringan bersasar di tempat kerja. Sehingga 7 Januari 2021, sejumlah 190 individu telah disaring, di mana **66 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 2. KLUSTER TAPAK BINA HARTAMAS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 7 Januari 2021 melalui saringan bersasar di sebuah tapak binaan. Sehingga 7 Januari 2021, sejumlah 205 individu telah disaring, di mana **48 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 3. KLUSTER DAMAI PELANGI

Kluster ini melibatkan sebuah pusat tahanan di daerah Hulu Selangor di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 18 Disember 2020 melalui saringan tahanan. Sehingga 7 Januari 2021, sejumlah 871 individu telah disaring, di mana **21 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 4. KLUSTER TAPAK BINA JALAN IPOH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 7 Januari 2021

melalui saringan bersasar di sebuah tapak binaan. Sehingga 7 Januari 2021, sejumlah 570 individu telah disaring, di mana **98 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **5. KLUSTER RUNGKUP**

Kluster ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-114459) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 7 Januari 2021, sejumlah 67 individu telah disaring, di mana **20 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **6. KLUSTER DESA SETAPAK**

Kluster ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-116076) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 2 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 7 Januari 2021, sejumlah 25 individu telah disaring, di mana **15 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **7. KLUSTER JALAN JAYA**

Kluster ini melibatkan daerah Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-114380) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 7 Januari 2021, sejumlah 45 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **8. KLUSTER ZIARAH PUTRA**

Kluster ini melibatkan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-120815) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 4 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 7 Januari 2021, sejumlah 29 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **9. KLUSTER KERANJI TABUAN**

Kluster ini melibatkan daerah Kuching di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-122776) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 5 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 7 Januari 2021, sejumlah 54 individu telah



disaring, di mana **enam (6) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

7 Januari 2021 @ 6.00 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 7 JANUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	493	39,453
<b>SELANGOR</b>	706	37,347
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	316 (2)	15,641
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	63	8,424
<b>JOHOR</b>	1,103 (3)	9,002
<b>PULAU PINANG</b>	111	4,408
<b>PERAK</b>	59	3,485
<b>KEDAH</b>	30	3,308
<b>WP LABUAN</b>	3	1,771
<b>PAHANG</b>	25	1,504
<b>MELAKA</b>	11	1,428
<b>SARAWAK</b>	14 (1)	1,180
<b>KELANTAN</b>	66	1,085
<b>TERENGGANU</b>	10	405
<b>WP PUTRAJAYA</b>	17	360
<b>PERLIS</b>	0	47
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,027 (6)</b>	<b>128,465</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Perincian 3,027 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 7 Januari 2021 adalah seperti berikut:**

- **Johor: 1,103 kes**

- 950 kes daripada kluster-kluster, termasuk 57 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Senai Murni**;
- 93 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Tiga (3) kes import dari luar negara; dan
- 57 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 706 kes**

- 232 kes daripada kluster-kluster, termasuk 64 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Damai Pelangi dan Kluster Tapak Bina Hartamas**;
- 332 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 142 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 493 kes**

- Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 363 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 122 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 316 kes**
    - 136 kes daripada kluster-kluster, termasuk 118 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Ipoh, Kluster Rungkup, Kluster Desa Setapak, dan Kluster Jalan Jaya**;
    - 89 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
    - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
    - 89 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 111 kes**
    - 85 kes daripada daripada kluster-kluster sedia ada;
    - Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 66 kes**
    - 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - 46 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 63 kes**
  - 23 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 26 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perak: 59 kes**
  - 35 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 20 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Empat (4) kes lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kedah: 30 kes**
  - 17 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pahang: 25 kes**
  - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 18 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 17 kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Ziarah Putra**;
  - 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sarawak: 14 kes**
  - Enam (6) kes daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Keranji Tabuan**;
  - Satu (1) kes import luar negara; dan
  - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Melaka: 11 kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
  - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Terengganu: 10 kes**
  - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Tiga (3) kes**
  - Satu (1) daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.